

BINA PURI NEWSPAPER CLIPPINGS

Newspaper : Kosmo!

Date : 18th September 2013

Title : Bina Puri majukan projek di Sabah

Section : Bisnes Page :



Bina Puri Holdings Bhd

(207184-X)

Bina Puri majukan projek di Sabah

KUALA LUMPUR - Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri) melalui anak syarikatnya, Bina Puri Properties Sdn. Bhd. (Bina Puri Properties) bekerjasama dengan Kensington Development Sdn. Bhd. untuk melaksanakan pembangunan komersial usaha sama dengan nilai pembangunan kasar RM148 juta.

Projek 8 Avenue, di Kota Kinabalu, Sabah itu merupakan pembangunan harta tanah 13 tingkat yang terdiri daripada 55 unit lot komersial dan 259 unit pejabat versatil kecil (SOVO).

Pengerusi Bina Puri Properties, Tan Sri James Foong Cheng Yuen berkata, 8 Avenue merupakan pembangunan kelima Bina Puri di Kota Kinabalu dan projek itu telah meningkatkan nilai pembangunan kasar projek harta tanah kumpulan kepada RM2.628 bilion, yang kesemuanya terdapat di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak.

"Projek itu akan memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan.

"Memandangkan reputasi ku ku kumpulan dalam sektor ini di Sabah ditambah dengan keyakinan Kensington terhadap kami, kami yakin projek ini akan mencapai kejayaan, terutamanya dalam konsep SOVO," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

James menerangkan, Bina Puri akan terus meneroka aktiviti pembangunan berpotensi di Kota Kinabalu dan dengan beberapa projek pembangunan harta tanah sedia ada sekarang serta yang akan dilancarkan dalam tempoh beberapa tahun lagi, ia pasti akan meningkatkan lagi pendapatan kumpulan.

Syarikat itu akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memantapkan lagi daya saingnya di kawasan utama ia beroperasi.

From : Group Corporate Communication Department
Date : 18th September 2013
Subject : Bina Puri News Update